



26 MAY, 2026

Muhammad Ramadhan lega, meter elektrik siap dipasang

Utusan Malaysia, Malaysia



Muhammad Ramadhan lega, meter elektrik siap dipasang

JERANTUT: Senyuman kelegaan dan kegembiraan jelas terpancar di raut wajah pasangan suami isteri dari Kampung Kuala Sat, Ulu Tembeling di sini, apabila rumah mereka bakal diterangi cahaya selepas lebih sedekad bergelap.

Kisah hidup keluarga Muhammad Ramadhan Abd. Hamid yang tidak mendapat bekalan elektrik sejak 13 tahun lalu menjadi tular selepas video mereka menahan kenderaan

Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, ketika baginda melalui laluan kampung tersebut setelah lawatan ke mukim Ulu Tembeling, tersebar dalam media sosial.

Muhammad Ramadhan, 30, berkata, kerja-kerja pemasangan tiang dan kabel elektrik selesai dua hari lalu, manakala meter pun sudah dipasang di dinding hadapan rumahnya.

"Kini, kami hanya menunggu penyambungan wayar elektrik pada bahagian dalam rumah yang dijangka siap dalam masa terdekat.

"Meter sudah dipasang, kontraktor sedang giat menyiapkan wayar bahagian dalam. Insyaa-Allah dalam beberapa hari lagi rumah kami akan bercahaya," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Muhammad Ramadhan berkata, dia bersama isterinya, Nur

Afiqah Malek berterima kasih kepada Sultan Pahang dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) kerana membantu mengubah kehidupan mereka selepas 13 tahun bergantung kepada lampu bateri lori untuk menerangi malam.

Dia yang bekerja sebagai mekanik berkata, dengan adanya bekalan elektrik, kerja di bengkel motosikal kecilnya lebih mudah manakala isterinya dapat berniaga makanan dengan

lebih selesa.

"Dengan berpendapatan sekitar RM600 sebulan, saya belum mampu membeli banyak peralatan elektrik, namun cukup bersyukur dengan kemudahan asas yang dinanti sekian lama.

"Anak kami, Muhammad Afiq Danial, 5, juga sudah mula meminta dibelikan sebuah televisyen kerana teruja menunggu saat rumah ini benar-benar bercahaya," katanya.